



AKTA kekangan sesuai untuk mewujudkan generasi muda lebih sihat dan paling penting merokok tidak dijadikan amalan hidup.

## DENORMALISASI AMALAN MEROKOK

# Tindakan tepat elak 'racun' nikotin

Oleh Ekhwan Haque  
Fazlul Haque  
ekhwan@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Sekatan pembelian dan pemilikan produk tembakau bagi golongan yang lahir 2007 dan ke atas adalah tindakan tepat bagi memastikan generasi akan datang denormalisasi amalan merokok.

Pakar Berhenti Merokok, Kuliyyah of Farmasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Dr Mohamad Haniki Nik Mohamed berkata, nikotin dan bahan lain dalam rokok yang bersifat racun memberi kesan kepada perkembangan otak generasi muda.

Katanya, ini kerana pada usia remaja, otak masih dalam proses perkembangan dan kehadiran nikotin dalam tubuh boleh menjejaskan neurokognitif berlaku.

"Akta baharu ini sesuai untuk mewujudkan generasi muda yang lebih sihat dan paling penting merokok ti-

**APAKAH ITU  
RUU KAWALAN PRODUK  
TEMBAKAU DAN MEROKOK  
2022?**

Satu undang-undang bagi mengawal aktiviti promosi, penjualan, pembelian dan penggunaan sebarang produk tembakau termasuk rokok elektronik/ vape serta larangan penggunaan produk merokok kepada generasi yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya.

Agensi Kesihatan Masyarakat GEGARU moh.gov.my

SUMBER: UDR Kawalan Tembakau, KKM

dak dijadikan amalan hidup.

"Pada usia remaja, seseorang itu cenderung untuk mula merokok, tetapi jika sekatan dikenakan, sudah pasti ia akan menghalang perkara ini berlaku.

"Kajian juga mendapati

kebanyakan perokok mula merokok pada usia remaja dan keadaan ini berterusan sehingga mereka menjadi perokok tegar," katanya.

Dalam pada itu, Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM), Hasnol Haniff Harun berkata, sukarelawan

MBM seluruh negara akan digerakkan bagi membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempromosikan amalan hidup sihat dan bebas rokok.

Katanya, sebagai badan bukan kerajaan (NGO) belia, akta baharu berkenaan membolehkan generasi berkenaan terhindar menjadikan rokok sebagai amalan hidup.

"Menjelang 2030, kerajaan terpaksa membelanjakan hampir RM8.8 bilion merawat pesakit akibat rokok sedangkan peruntukan itu boleh disalurkan untuk pembangunan infrastruktur dan modal insan.

"Golongan belia perlu sama membantu menyokong akta ini kerana kita adalah generasi pemacu agenda pembangunan negara dalam usaha menjadikan Malaysia negara bebas rokok.

"Jangan menjadikan rokok elektronik sebagai alternatif baharu menggantikan rokok konvensional kerana akhirnya kesihatan tetap menjadi taruhan," katanya.